

TEMA 8 PERAYAAN

Situasi 8.1 Perayaan di Malaysia

Latar tempat : Kolej kediaman

Kumar : Azman.

Azman : Ya.

Kumar : Boleh awak ceritakan kepada saya perayaan-perayaan di Malaysia?

Azman : Boleh, apa salahnya. Baiklah, ada tiga jenis perayaan di Malaysia yang disambut oleh tiga kaum iaitu Melayu, Cina dan India.

Kumar : Apakah perayaan bagi kaum Melayu?

Azman : Kaum Melayu menyambut Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji.

Kumar : Apakah perbezaan antara Hari Raya Haji dan Hari Raya Puasa?

Azman : Perbezaan antara Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji adalah Hari Raya Puasa disambut pada bulan Syawal, selepas umat Islam habis berpuasa. Manakala Hari Raya Haji pula disambut pada bulan Zulhijjah.

Kumar : Bagaimana pula dengan perayaan bagi kaum Cina dan kaum India?

Azman : Kaum Cina menyambut Tahun Baru Cina dan kaum India menyambut Deepavali.

Kumar : Oo, menariknya perayaan di Malaysia.

Azman : Betul tu. Setiap kaum di Malaysia akan berkongsi sambutan perayaan bersama.